



Ruj. Kami : JPT (A)1000/001/019/01 Jld.19 (36)
Tarikh : 18 Disember 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Prof./Dr./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM EDISI KEDUA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Tinggi telah membangunkan Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam (GPPA) Edisi Kedua. Garis panduan ini adalah sebagai sumber rujukan kepada universiti awam (UA) untuk melaksanakan permohonan program akademik agar selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan pemegang taruh (*stakeholders*).
3. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 3/2018 bertarikh 17 Disember 2018 telah bersetuju tentang pelaksanaan Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua.
4. Diharapkan buku GPPA ini dapat memberi panduan yang jelas dan terkini kepada semua UA dalam membangunkan program akademik supaya selaras dengan pindaan dan penambahbaikan dasar JPT dan MQA yang berkuat kuasa. Di samping itu, UA juga diingatkan agar memastikan keperluan dasar jaminan kualiti, Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework, MQF), standard program, keperluan badan profesional dan dasar-dasar atau garis panduan semasa yang berkuat kuasa dipatuhi bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan.

5. Buku GPPA Edisi Kedua juga disediakan dalam versi digital dan boleh dimuat turun melalui:

i) Pautan ebook:

[http://ebook.um.edu.my/ASPC/Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua/index.html](http://ebook.um.edu.my/ASPC/Garis_Panduan_Pembangunan_Program_Akademik_Universiti_Awam_Edisi_Kedua/index.html)

ii) QR Code seperti di bawah:




6. Bersama-sama ini dikemukakan dua (2) salinan buku GPPA Edisi Kedua untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Prof./Dr./Tuan/Puan, di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Siti Hamisah Binti Tapsir', written in a cursive style.

(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia